



RAIH PENGALAMAN BERERTI: Cik Zulaikha mendapati kemahiran yang diraih menerusi pergaulan dengan pelajar asing di sekolahnya berguna apabila beliau masuk ke alam pekerjaan. Beliau menunjukkan gambar yang diambil semasa menjamu selera dengan para pelajar asing.

Kelab bantu kenali budaya asing

SEMASA menuntut di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Cik Zulaikha Mohamed Zainol Abidin berpeluang bertemu individu dari pelbagai negara dan mengenali budaya mereka tanpa perlu keluar negara.

Beliau berpeluang melakukan demikian dengan menyertai kelab pelajar International Connections (Icon) SMU pada 2008.

Di bawah Icon, Cik Zulaikha, 29 tahun, antara lain memainkan peranan membantu pelajar dari universiti luar negara yang mengikuti program pertukaran di SMU untuk menyesuaikan diri di sini.

Contohnya, beliau membawa mereka ke beberapa tarikan tempatan seperti East Coast Park dan Fort Siloso di Sentosa, agar mereka dapat menghargai sejarah Singapura dengan lebih baik.

Beliau juga membawa mereka mencuba juadah setempat seperti murtabak, ketam cili dan nasi padang pada masa lapangnya.

Cik Zulaikha, seorang penganalisis sistem dengan agensi air negara PUB, turut ke Pulau Ubin bersama

sekumpulan pelajar asing dari negara seperti Korea Selatan, Perancis dan Kemboja.

Beliau turut membawa mereka ke Kampong Glam dan Taman Warisan Melayu untuk bagi membolehkan mereka mengenali budaya masyarakat setempat dengan lebih mendalam.

Semasa Hari Raya pula, Cik Zulaikha menjemput mereka ke rumahnya untuk menikmati beraneka jenis hidangan tradisional Melayu yang disiapkan ibunya.

Sambil memperkenalkan tarikan tempatan di Singapura Cik Zulaikha juga mengambil kesempatan mela-wat beberapa tempat di sini yang belum pernah beliau kunjungi.

Contohnya, seorang pelajar dari Universiti Nasional Pusan yang mengikuti program pertukaran di SMU mengajaknya ke Muzium Seni Singapura, yang beliau belum pernah kunjungi sebelum itu.

Cik Zulaikha akur, beliau telah meraih banyak pengalaman yang tidak dapat diperolehi daripada buku teks dan bilik darjah sahaja menerusi pergaulannya dengan pelajar asing itu.

“Saya juga dapat melihat kegigihan pelajar Kemboja yang sanggup berjauhan daripada keluarga demi menuntut ilmu... ini membuat saya lebih menghargai peluang untuk belajar yang mudah didapatkan pelajar setempat.

“Kadang-kadang cara kami berfikir tentang sesuatu juga berlainan, dan ini membuka minda saya kerana saya dapat belajar memahami sesuatu perkara daripada sudut pandangan mereka,” katanya.

Pergaulan Cik Zulaikha dengan individu dari pelbagai negara dengan latar belakang yang berbeza itu cukup berguna apabila beliau memasuki alam pekerjaan.

“Pengalaman saya di sekolah telah meningkatkan kemahiran komunikasi saya. Ia telah membuat saya lebih sensitif terhadap budaya rakan sekerja yang berlainan latar belakang dan pada masa yang sama mengekalkan keharmonian dan profesionalisme di tempat kerja,” ujarnya yang kini mempunyai rakan kerja dari China, India, Vietnam, Myanmar dan Filipina selain warga setempat. — **ERVINA MOHD JAMIL**